NAMA: KELAS:

Pilih jawapan yang betul.

Tatabahasa

Dedikasi Penjaga Jam

Zara ke kedai jam untuk membaiki jamnya. Di sana, dia terpandang keratan majalah tentang penjaga jam besar Menara Sultan Abdul Samad.

PENJAGA JAM IKONIK

Encik V. Gunasegaran ialah penjaga jam Menara Sultan Abdul Samad. Jam itu telah mula beroperasi / berusia sejak tahun 1897. Setiap dua hari, jam itu akan dikunci / disiapkan dan disenggarakan oleh beliau.

Beliau mula berkhidmat / berbuat sebagai penjaga jam ini pada usia 19 tahun. Beliau ialah individu ketiga yang diberikan amanah menjaga / menyimpan jam itu. Tempoh masa tiga tahun diambil / dibuang oleh beliau untuk mahir menjaga jam tersebut.

Tugas beliau termasuklah menarik / memusingkan engkol sebanyak 300 kali pusingan. Hal ini dilakukan supaya pemberat loceng seberat 400 kg dapat diturunkan / dinaikkan ke atas. Selain itu, beliau juga mengunci jam, menyelaraskan / menukar waktu, membersihkan dan memeriksa keadaan jam.

Pada tahun 2016, Encik V. Gunasegaran telah bersara / berhenti setelah bertugas selama 41 tahun. Walaupun telah bersara, beliau berikrar akan berkongsi / bertukar kemahiran dan pengalamannya kepada pihak yang memerlukannya.

Aktiviti

Menggunakan kata kerja yang betul. Kemudian, menyenaraikan kata kerja aktif transitif, kata kerja aktif tak transitif dan kata kerja pasif.

Kata Guru

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata kerja aktif transitif dan tak transitif serta kata kerja pasif.

Strategi P&P: Pembelajaran Master
KBAT: Mengaplikasi
EMK: Kelestarian Global